

# **AGENDA 6**

**MELULUSKAN CADANGAN BAYARAN  
HONORARIUM LEMBAGA DAN YURAN  
TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT  
SUBSIDIARI BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

*Mesyyuarat*  
**AGUNG**  
PERWAKILAN TAHUNAN  
KE **45**

## AGENDA 6

### MELULUSKAN CADANGAN BAYARAN HONORARIUM LEMBAGA DAN YURAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

#### TUJUAN

Agenda ini adalah berkaitan cadangan bayaran honorarium kepada anggota Lembaga dan yuran tahunan kepada ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari bagi tahun kewangan 31 Disember 2025 untuk pertimbangan kelulusan perwakilan.

#### LATAR BELAKANG

2. Bayaran honorarium adalah tertakluk kepada Garis Panduan 22: Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi (GP22) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Kadar bayaran honorarium adalah mengambil kira prestasi KPF dan syarikat subsidiari, elaun dan kemudahan lain yang diterima oleh anggota Lembaga dan ahli Lembaga syarikat subsidiari serta sumbangan yang diberikan oleh mereka dalam tahun semasa.

3. Menurut perenggan 57(5)(c) Akta Koperasi 1993 (Akta), bayaran honorarium anggota Lembaga bagaimanapun tidak boleh melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dan perlu mendapat kelulusan SKM.

4. Bayaran honorarium kepada anggota lembaga adalah diperuntukkan di bawah Akta yang menggariskan bahawa koperasi boleh menggunakan untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan untuk pembayaran honorarium selepas membuat bayaran atau peruntukan pembahagian berkanun seperti berikut:

- (a) tidak kurang daripada 25% atau 15% daripada untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan ke dalam Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) menurut subseksyen 57(1) Akta (tertakluk kepada Perintah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa);
- (b) bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) menurut subseksyen 57(2) Akta; dan
- (c) koperasi juga dikehendaki membuat peruntukan cukai dan zakat dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

5. Selain itu, GP22 juga menetapkan dua (2) asas koperasi dibenarkan untuk membuat cadangan bayaran honorarium Lembaga iaitu:

- (a) tidak melebihi 10% daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun atau RM150,000 mana yang lebih rendah; atau
- (b) melebihi amaun RM150,000 dengan mematuhi kriteria berikut:
  - (i) untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berkenaan mestilah melebihi RM30.0 juta;
  - (ii) pulangan atas ekuiti sekurang-kurangnya pada kadar 8.0%; dan
  - (iii) pulangan atas aset sekurang-kurangnya pada kadar 6.0%.

6. Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dalam subsidiari juga boleh dibayar yuran tahunan oleh subsidiari berkenaan tertakluk kepada kelulusan MAPT seperti diperuntukkan dalam subseksyen 46(2) Akta.

#### ULASAN LEMBAGA

7. Bayaran honorarium kepada anggota Lembaga dan yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah sebagai penghargaan ke atas khidmat serta sumbangan tenaga dan masa mereka dalam menjalankan tanggungjawab statutori dan fidusiari serta liabiliti yang ditanggung anggota Lembaga dalam koperasi dan syarikat subsidiari.

8. Berdasarkan GP22, pencapaian prestasi kewangan tahun 2025, dan mengambil kira khidmat dan sumbangan yang diberikan kepada perjalanan operasi dan kewangan yang diberikan kepada KPF, bayaran honorarium kepada anggota Lembaga adalah sebanyak RM1,000 sebulan dengan Pengerusi dibayar tambahan 50% bersamaan RM1,500 sebulan seperti berikut:

Jawatan	Bilangan Lembaga	Jumlah/Bulan (RM)	Jumlah/Tahun (RM)
Pengerusi	1	1,500	18,000
Anggota Lembaga	11	1,000	12,000

9. Lembaga juga mencadangkan kadar yang sama dibayar bagi yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari.

10. Nilai bayaran honorarium anggota Lembaga dan yuran tahunan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari tersebut adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan koperasi menengah dan syarikat-syarikat lain.

## **SYOR**

11. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan perkara-perkara berikut:

- (a) bayaran honorarium kepada anggota Lembaga dibayar sebanyak RM12,000 seorang bersamaan RM1,000 sebulan, manakala Pengerusi dibayar tambahan 50% berjumlah RM18,000 bersamaan RM1,500 sebulan dengan jumlah keseluruhan RM150,000 tertakluk kepada kelulusan SKM;
- (b) bayaran yuran tahunan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah sebanyak RM12,000 seorang bersamaan RM1,000 setahun dengan Pengerusi syarikat dibayar lebih 50% berjumlah RM18,000, manakala bagi syarikat yang tidak aktif/dorman tidak dibayar sebarang yuran tahunan; dan
- (c) bayaran honorarium anggota Lembaga dan yuran tahunan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari atas kadar pro-rata mengikut tempoh pelantikan.

12. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan kelulusan perwakilan.